

DR. M: MARUAH DI TANGAN KITA SENDIRI

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat perlu dipersalahkan sekiranya tidak mahu membela maruah sendiri.

Tegas Perdana Menteri, bukan kekayaan negara yang memberi makna kepada kemerdekaan, tetapi maruah dan kehormatan yang ditunjukkan kepada bangsa dan negara.

"Yang harus kita ingat ialah maruah dan kehormatan berada di tangan kita sendiri," jelas Datuk Seri Dr. Mahathir ketika merasmikan Pameran Malaysia 25 tahun di Muzium Negara di sini.

Pameran anjuran Jabatan Perdana Menteri itu membuka tirai perayaan sempena menyambut hari ulang tahun ke-25

kemerdekaan negara. Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pengasas negara telah menaunkan tanggungjawab mereka merebut balik kemerdekaan, mereka merintis jalan ke arah negara yang bahagia.

"Sekarang adalah masa kita. Jika kita gagal maka akan sia-sia sahajalah perjuangan pemimpin-pemimpin negara dan pejuang-pejuang terdahulu dari kita," ujarnya lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, proses mengislah dan mengekalkan kemerdekaan adalah satu proses yang berterusan.

Erti kemerdekaan bukanlah semata-mata pembebasan dari pemerintahan penjajah, tetapi yang lebih utama dan penting ialah semangat, dorongan dan tindakan untuk mengislah dan membawa kemulaaan.

kesejahteraan dan kebahagian kepada bangsa dan negara, jelas Perdana Menteri. Katanya, tercapainya kemerdekaan 25 tahun memberi satu permulaan bagi rakyat negara ini.

"Ja menjadi beban baru bagi kita kerana sejak itu kita yang bertanggungjawab terhadap pencapaian cita-cita yang lebih besar untuk membangunkan sebuah negara yang kuat, sihat dan disegani oleh dunia," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, negara ini tidak boleh mengharapkan orang lain selama-lamanya.

"Kitalah yang perlu berusaha untuk membangunkan negara kita sendiri," jelasnya.

Untuk tujuan itu, beliau menegaskan sifat-sifat tidak ingin membuat kerja hendaklah dikikis. Kecekapan boleh

diperolehi jika berusaha. Bagaimanapun Perdana Menteri yakin, sifat tidak ingin membuat kerja yang berat dan kotor atau tidak berungguh-sungguh boleh diatasi jika mereka benar-benar berminat.

Datuk Seri Dr. Mahathir menggosok para penulis, artis dan intelektual meneroka bidang-bidang penulisan, drama dan perfilman bagi menyedarkan rakyat terhadap nilai kemerdekaan.

Perdana Menteri berkata, bidang tersebut sangat diperlukan di dalam usaha membangunkan negara.

Katanya, sejarah sebelum kemerdekaan serta harapan dan cita-cita rakyat untuk masa hadapan adalah bahan yang perlu dikaji, ditulis dan dikemukakan kepada

rakyat.

Datuk Seri Dr. Mahathir menafikan pameran yang diadakan itu sebagai amat penting untuk membantu meningkatkan ingatan dan keinsafan rakyat terhadap peristiwa serta liku-liku sejarah tanahair.

Katanya, tanpa mengenali sejarah rakyat tidak tahu dari mana mereka datang dan apa masalah yang telah dihadapi.

Tanpa pengetahuan seperti ini, rakyat bukan sahaja tidak tahu bersyukur, juga tidak tahu bagaimana menghadapi cabaran dan berusaha mencapai kejayaan.

Katanya, tanpa pengetahuan dan kesedaran seperti ini juga rakyat akan didera dengan mengulangi kesilapan berkali-kali. Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, yang penting ialah kemampuan pameran tersebut membangkitkan perasaan halus di hati sanubari, perasaan kagum.



Mahathir meneliti kata2 hikmat...

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bukanlah meneliti batu bersurat zaman dahulu, ketika merasmikan Pameran Malaysia 25 tahun di Muzium Negara, Kuala Lumpur, semalam.

Beliau sebenarnya meneliti kata-katanya sendiri yang dirakam di atas batu yang indah.

Kata-kata yang terdapat di atas batu itu ialah, "Saya meneliti catikan sebuah negara yang tiada seorang pun papa, setiap orang adalah memadam cunannya, cukup pakailannya, sambil menikmati usia lanjut yang sihat—sebuah negara yang setiap anak kita menikmati pelajaran yang secukupnya, apabila tiba masanya, mereka akan berkemampuan mengambil alih tanggungjawab mereka—lebih-lebih lagi, saya meneliti-citakan sebuah negara yang akan dihormati dan didisiplinkan oleh setiap negara di dunia ini."

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah turut memerhatikan kata-kata hikmat yang terdapat di atas batu itu. — Gambar Berita Harian.